

'Macam mana warga asing boleh duduk di PPR ini?'

Kuala Lumpur: Kepesatan projek pembinaan di sekitar Kampung Muhibbah, di sini, didakwa menyebabkan terdapat unit kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan itu disewa oleh warga asing.

Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Kampung Muhibbah Fasa Dua M Zairi A Hadi berkata, pihaknya mendapati warga asing menyewa unit kediaman di PPR terbabit untuk kemudahan mereka.

Menurutnya, ini berikutan rumah berkenaan berhampiran tempat kerja mereka di samping ada juga warga asing mengambil kesempatan berkahwin dengan wanita tempatan dan tinggal di PPR terbabit.

"Janda atau balu, bila kematian atau berpisah dengan suami, dia berkahwin dengan warga asing ini.

"Sama ada dia ada pasport ke tidak, kita tidak pasti. Tahu-tahu dia bawa masuk (lelaki ini ke PPR). Warga asing ini juga pandai dan licik dengan bercampur bersama komuniti untuk mengaburi kita," katanya.

Katanya, warga asing yang tinggal di PPR terbabit didakwa menyewa puluhan unit kediaman.

"Kebanyakannya melibatkan pembeli yang menyewakan (unit milik mereka) kepada warga asing. Selain itu, ada juga penyewa yang menyewakan kepada warga asing," katanya.

Katanya, dia turut mengingatkan kepada pemilik atau penyewa unit bahawa kegiatan itu menjadi kesalahan kerana kediaman PPR atau perumahan



Sama ada dia ada pasport ke tidak, kita tidak pasti. Tahu-tahu dia bawa masuk (lelaki ini ke PPR). Warga asing ini juga pandai dan licik dengan bercampur bersama komuniti untuk mengaburi kita"

M Zairi

awam (PA) hanya untuk warganegara Malaysia.

"PPR ini untuk warganegara Malaysia. Tapi macam mana warga asing boleh duduk di PPR ini?"

"Ramai warganegara Malaysia yang memohon untuk menyewa di PPR bertahun-tahun, tapi tak dapat," katanya.

Menurutnya, penyewaan unit kediaman PPR atau PA oleh warga asing tidak akan selesai dan pihaknya berusaha menanganinya dengan bantuan pihak berkuasa.

"Kita akan cuba untuk membanterasnya dengan membabitkan agensi seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya.